



JABATAN PERANGKAAN
M A L A Y S I A

SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 10/2020

RUJUKAN : 1 APRIL 2020



BANCI
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020



www.dosm.gov.my



www.mycensus.gov.my



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

Pandemik COVID-19 merupakan wabak penyakit yang berpunca daripada sindrom pernafasan akut teruk koronavirus 2 (SARS-CoV-2). Wabak ini mula dikesan pada November 2019 di bandaraya Wuhan, Hubei China dan pada 13 Mac 2020 Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengumumkan bahawa Eropah telah menjadi pusat baru pandemik. Penularan wabak ini telah membawa kepada gangguan sosioekonomi global apabila pelbagai usaha pencegahan penyebaran dilaksanakan termasuk sekatan perjalanan, kuarantin, pengurungan, penangguhan acara dan pembatalan serta penutupan kemudahan. Sehingga penghujung Mac, kes jangkitan COVID-19 di seluruh dunia merekodkan lebih daripada 780,000 kes melibatkan sekurang-kurangnya 200 buah negara dan wilayah, serta mengakibatkan lebih daripada 36,000 kematian dengan kadar kematian 4.7 peratus.

Di Malaysia, selepas mencatatkan rekod peningkatan harian kes positif tertinggi sebanyak 235 kes pada 26 Mac 2020, bilangan kes jangkitan merekodkan penurunan dengan julat antara 130 hingga 159 kes sehari. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan sehingga pada **1 April 2020 seramai 43,462 individu telah menjalani ujian saringan** dengan 75.7 peratus memperoleh keputusan negatif, 7,660 sedang menunggu keputusan manakala **2,908 telah disahkan positif**. Jangkitan kes baharu meningkat kepada **142 kes positif** dan jumlah **kematian direkodkan sebanyak 45 kes**, meningkat berbanding 43 kes sebelumnya. Sementara itu, sejumlah 108 kes yang telah pulih dan ini merupakan kes tertinggi sehingga kini menjadikan jumlah **kumulatif bilangan discaj** kepada **645 kes** (22.2 peratus dari keseluruhan kes). Pertambahan kes positif antaranya adalah **menerusi peningkatan di Sarawak sebanyak 32 kes**, WP Kuala Lumpur (25 kes), Selangor (22 kes) dan Johor (19 kes) sementara Perlis, WP Putrajaya dan WP Labuan tidak merekodkan pertambahan seperti pada Jadual 1. **Selangor mendominasi jumlah kes tertinggi dengan menyumbang sebanyak 25.0 peratus, diikuti oleh WP Kuala Lumpur (15.6 peratus), Johor (12.7 peratus) dan Sabah (7.2 peratus)**. Secara umumnya, wabak ini telah menular ke hampir seluruh daerah di Semenanjung Malaysia dengan 13 daerah merekodkan 70 kes positif dan ke atas sementara di Sabah dan Sarawak terdapat 2 daerah yang mencatatkan angka melebihi 60 kes.

Melihat kepada senario di peringkat global, jumlah terkini jangkitan COVID-19 telah mencecah hampir sejuta kes iaitu **857,629 dan 21.9 peratus daripada jumlah ini adalah daripada Amerika Syarikat, diikuti Itali dengan 12.3 peratus dan Sepanyol 11.2 peratus**. China yang merupakan tempat bermulanya wabak ini menyumbang 9.6 peratus kes positif menjadikan **empat negara tersebut telah pun meliputi 55.1 peratus** daripada jumlah keseluruhan kes di dunia. Sementara itu, statistik bilangan kematian menunjukkan **29.5 peratus daripada 42,109 kematian global wabak ini telah meragut nyawa penduduk Itali.** (Jadual 2)

COVID-19 telah secara langsung menjelaskan “kesihatan” ekonomi negara melalui tiga saluran utama iaitu sektor pelancongan, sektor perindustrian dan gunatenaga. Bank Dunia (World Bank) meramalkan Malaysia berdepan dengan kemelesetan ekonomi bagi tahun 2020, dengan pertumbuhan **Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dianggarkan pada kadar negatif 0.1 peratus**. Menurut Bank Dunia ramalan itu mengambil kira pertumbuhan ekonomi Malaysia yang semakin perlakan sejak separuh kedua 2019 dan sedang berdepan gangguan ekonomi berskala besar yang dijangka berlarutan sepanjang tahun. Penggunaan Swasta yang merupakan pemangkin terhadap pertumbuhan negara dijangka mengalami penguncupan manakala eksport bersih dan pelaburan lebih rendah pada tahun ini berbanding tahun 2019. Walaubagaimanapun turut **diperjelaskan bahawa anggaran yang dinyatakan mempunyai darjah ketidakpastian yang tinggi** mengambilkira pada perkembangan penularan wabak di dalam negara mahupun di peringkat global serta tindak balas susulan daripada polisi yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Persekutaran ekonomi global juga turut terjejas dengan situasi semasa ini. Menurut **International Monetary Fund (IMF)**, pandemik global ini adalah lebih buruk berbanding krisis kewangan dunia pada tahun 2009. **Bloomberg Economics menjangkakan ekonomi UK akan meleset pada separuh pertama tahun 2020.** Syarikat perbankan UK dijangka menghadapi masalah pungutan pembayaran pembiayaan hartanah. Selain itu, walaupun kerajaan dan syarikat perbankan UK menawarkan penangguhan pembayaran pinjaman perumahan, **pasaran hartanah kediaman UK dijangka susut sehingga -10 peratus pada tahun ini.** Kemelesetan ini dijangka menyebabkan 700,000 buruh akan kehilangan pekerjaan dan peningkatan kadar pengangguran kepada 6 peratus.

Beberapa petikan perkongsian *headlines* pasaran ekonomi daripada *Public Invest Daily* dan sumber lain memberikan butiran berikut;

AS: Indeks Keyakinan Pengguna AS turun daripada 132.6 pada Februari 2020 kepada 120 pada Mac 2020. (RTT)

SWEDEN: Jumlah keseluruhan **syarikat yang bakal muflis di Sweden meningkat 9 peratus** pada Mac 2020. Sub-sektor restoran dan hotel mencatatkan peningkatan 126 peratus, diikuti oleh syarikat dari sub-sektor pengangkutan 105 peratus. Peningkatan ini adalah impak dari langkah yang diambil kerajaan bagi mengekang COVID-19. (Bloomberg)

FILIPINA: Syarikat penerbangan utama Filipina memohon bantuan khusus kewangan dari kerajaan Filipina. Persatuan Penerbangan Filipina (ACAP), yang dianggotai Philippines Airlines, Cebu Pasific dan AirAsia Philippines memohon jaminan hutang dari kerajaan, pembiayaan jangka panjang pada kadar faedah yang rendah dan pengecualian caj navigasi dan lapangan terbang bagi menghadapi krisis yang dihadapi. (ANN)

INDONESIA: Kerajaan Indonesia menjangkakan **ekonomi Indonesia berisiko untuk mengalami kemelesetan 0.4 peratus** pada tahun ini sekiranya pandemik menjadi lebih parah. Pada ketika ini, dengan mengambil kira situasi semasa, diunjurkan ekonomi bertumbuh perlahan 2.3 peratus kesan penyusutan perdagangan antarabangsa dan kelembapan permintaan dan pelaburan domestik. **Penularan COVID-19 dilihat turut memberi impak ke atas aktiviti isirumah dan pendapatan perniagaan IKS.** Presiden Jokowi telah mengumumkan tambahan peruntukan perbelanjaan sebanyak USD24.8 bilion bagi menangani COVID-19. (ANN)

PASARAN SAHAM

Bursa Malaysia dibuka rendah hari ini apabila Dow Jones Industrial Average (DJIA) ditutup lemah semalam. Pasaran saham AS ditutup lebih rendah apabila menyusut 410 mata, atau -1.8% kepada 21,917. Saham-saham terbesar (*blue chip stock*) DJIA susut 23.2% bagi suku pertama 2020 dan merupakan kejatuhan suku tahunan tertinggi semenjak suku keempat 1987. Sementara itu S&P 500 turun 42 mata (-1.6%) kepada 2,585 dan Nasdaq Composite Index turun 71 mata (-1%) kepada 7,732.

Di Eropah, pasaran saham semalam terus dalam momentum yang positif apabila Stoxx Europe 600 meningkat 1.65%, manakala FTSE 100, CAC 40 (Perancis) dan DAX (Jerman) masing-masing meningkat 1.95%, 0.4% dan 1.28%.

Di rantau Asia, pasaran saham utama Asia merudum hari ini apabila FBM KLCI jatuh -2.09%, Hang Seng (Hong Kong) ditutup -2.19% lebih rendah, SCI (China) turun -0.57%, STI (Singapura) jatuh -1.65%, IDX (Indonesia) turun -1.61%, BSE Sensex (India) turun -4.08% dan KOSPI (Korea Selatan) menyusut -3.94%. Nikkei 225 (Jepun) terus mencatatkan kejatuhan bagi 3 hari bertutur-turut apabila ditutup -4.5% lebih rendah petang ini (1 April 2020)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. Inisiatif membantu rakyat diteruskan oleh Kerajaan Negeri Selangor yang menyediakan peruntukan RM272.5 juta menerusi Pakej Rangsangan Selangor Prihatin 2.0. Lembaga Zakat Selangor membuat agih bantuan khas RM14 juta kepada asnaf dan perkhidmatan kesihatan di Selangor.
2. Pengumuman pemberian bantuan tunai di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN termasuk 6 bulan moratorium pinjaman bank dijangka memberi manfaat terutamanya kepada isi rumah B40.
3. Berdasarkan kajian World Bank yang menyatakan bahawa **11 juta penduduk Asia Timur dan Asia Pasifik diramal jatuh miskin** akibat pandemik Covid-19. Negara yang bergantung kepada perdagangan, pelancongan, komoditi, keberhutangan tinggi dan bergantung kepada aliran kewangan akan terdedah kepada risiko tersebut.
4. IHS Markit menyatakan **indeks Malaysia Manufacturing Purchasing Managers' Index PMI** pada bulan Mac **jatuh ke paras terendah iaitu 48.4 sejak Jun 2016**, menandakan kelembapan mendadak dalam pengeluaran pembuatan di Malaysia.
5. **Lebih 30,000 majikan** yang berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) akan **diberikan pengecualian pembayaran levi selama enam bulan bermula April hingga September 2020**. Semua majikan tergolong dalam **63 subsektor daripada tiga sektor utama iaitu perkilangan, perkhidmatan serta perlombongan dan pengkuarian**, yang mempunyai 10 atau lebih kakitangan adalah diwajibkan berdaftar dengan PSMB, dan membayar levi Pembangunan Sumber Manusia pada kadar satu peratus daripada keseluruhan gaji bulanan pekerja mereka.
6. Permit untuk **syarikat makanan dan penjagaan kesihatan** telah dilanjutkan sehingga 14 April untuk beroperasi semasa PKP.
7. KPDNHEP membenarkan **pengeluar, pemborong, logistik, peruncitan dan e-dagang** yang telah diberikan pengesahan untuk beroperasi sepanjang tempoh PKP.
8. **Tower Regency Hotel** yang bertaraf 4 bintang akan **menamatkan operasi** pada akhir bulan April ini selepas telah mengalami **kerugian selama lebih dari tiga tahun**.

9. Aliran keluar bagi **pinjaman wang asing, sekuriti dan deposit** dijangka akan mencapai **US\$5.3 bilion untuk 12 bulan yang akan datang.**
10. **Peningkatan jumlah e-dagang antara China dan Malaysia** telah mewujudkan laluan baru antara kedua-dua Negara iaitu **laluan Hangzhou - rumah Alibaba dan Kuala Lumpur** - Platform Perdagangan Dunia Elektronik (eWTP) yang dipimpin oleh Alibaba yang pertama di luar negara. Kerajaan dan Kumpulan Alibaba telah bekerjasama rapat untuk **memacu eksport e-dagang Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)** di bawah inisiatif **Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ)** untuk menyokong perdagangan global yang lebih inklusif, selaras dengan visi Alibaba di bawah eWTP. Ini akan membolehkan **industri PKS dan logistik tempatan mengambil bahagian dalam perdagangan e-dagang global** dan sekaligus menjadikan **Malaysia sebagai hab bagi rantau Asia Tenggara.**
11. Arab Saudi **menghentikan kemasukan jemaah haji** dengan menangguhkan semua penerbangan antarabangsa dan menyekat keluar masuk pergerakan ke beberapa bandar raya termasuk Makkah dan Madinah.
12. Keputusan **penutupan operasi ladang kelapa sawit** oleh Kerajaan **negeri Sabah** akan memberi kesan kepada operasi ladang kelapa sawit di enam daerah yang **merekodkan 75 peratus daripada pengeluaran minyak sawit mentah** negeri itu.
13. **Syarikat-syarikat penerbangan Malaysia bakal mendapat bantuan kewangan** daripada Khazanah Bhd sehingga RM10 billion dalam bentuk pinjaman yang dijamin oleh Khazanah untuk membantu syarikat penerbangan tempatan menghadapi pandemik Covid-19.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p>Pakej rangsangan ekonomi: Apa rakyat bakal nikmati mulai hari ini</p> <p>Bantuan dan inisiatif di bawah PRIHATIN yang bermula hari ini :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Elaun khas RM600 untuk petugas kesihatan dan perubatan. 2. Elaun khas RM200 kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, Angkatan Pertahanan Awam dan anggota RELA. 3. Penangguhan bayaran Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) selama enam bulan. 4. Pemberian diskaun 15 peratus ke atas bil elektrik sektor pelancongan dan dua peratus bagi sektor komersial, industri, pertanian dan isi rumah di Semenanjung Malaysia. 5. Diskaun tambahan penggunaan kadar elektrik. Kerajaan bersama Tenaga Nasional Berhad menambah peruntukan RM530 juta untuk memberi diskaun berperingkat antara 15 peratus hingga 50 peratus mengikut penggunaan kadar elektrik dengan had maksimum 600 kilowatt sebulan. 6. Pelanggan pascabayar dan prabayar akan diperuntukkan internet berkelajuan tinggi secara 	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/671593/pakej-rangsangan-ekonomi-apa-rakyat-bakal-nikmati-mulai-hari-ini

		<p>percuma, dengan kuota satu gigabait (GB) sehari, sehingga pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir.</p> <p>7. Bayaran ‘one-off’ kepada pemandu teksi sebanyak RM600.</p> <p>8. Penangguhan pembayaran ansuran cukai pendapatan kepada semua perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk tempoh tiga bulan.</p> <p>9. Penangguhan bayaran ansuran cukai kepada perniagaan yang terjejas dalam sektor pelancongan selama enam bulan.</p> <p>10. Moratorium pembayaran pinjaman TEKUN, MARA dan koperasi serta mana-mana agensi kerajaan yang memberi pinjaman kepada PKS.</p>	
2.	Berita Harian	<p>Selangor peruntukkan RM272.5 juta gempur COVID-19</p> <p>Kerajaan Selangor memperuntukkan RM272.5 juta menerusi Pakej Rangsangan Selangor Prihatin 2.0.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/671861/selangor-peruntukkan-rm2725-juta-gempur-covid-19
3.	Berita Harian	<p>COVID-19: LZS agih bantuan khas RM14 juta</p> <p>Pembayaran bantuan khas COVID-19 oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) akan dilaksanakan sehingga 3 April ini membabitkan hampir 29,000 penerima dengan anggaran</p>	https://origin.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/671656/covid-19-lzs-agih-bantuan-khas-rm14-juta

		<p>peruntukan sebanyak RM14 juta.</p> <p>Sebahagian peruntukan untuk seramai 9,000 penerima yang terdiri daripada golongan asnaf fakir, miskin dan mualaf akan menerima bantuan khas sebanyak RM500 dengan jumlah keseluruhan agihan sebanyak RM4.5 juta.</p>	
4.	Harian Metro	<p>11 juta penduduk diramal jatuh miskin</p> <p>Satu kajian daripada Bank Dunia mengatakan 11 juta penduduk Asia Timur dan Asia Pasifik diramal jatuh miskin akibat pandemic Covid-19. Hal ini dapat dibuktikan daripada dua perlama populasi dunia berada di bawah perintah berkurung yang menyebabkan perniagaan terpaksa ditutup dan pengangkutan diperlahankan bagi membendung virus.</p> <p>Kajian ini juga menjelaskan negara yang bergantung kepada perdagangan, pelancongan, komoditi, keberhutangan tinggi dan bergantung kepada aliran kewangan akan terdedah dengan risiko ini. Di dalam senario itu juga, Malaysia dijangka akan menguncup sebanyak 4.6 peratus, diikuti Timor Leste 4.0 peratus dan Indonesia 3.5 peratus.</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/04/560984/11-juta-penduduk-diramal-jatuh-miskin

5.	Berita Harian	<p>COVID-19: MABIC lancar platform maya bantu salur maklumat</p> <p>Pusat Informasi Bioteknologi Malaysia (MABIC) melancarkan Pusat Sains Media (SMC) Malaysia bagi membantu menyalurkan maklumat dan menyokong liputan media mengenai isu COVID-19 yang kini sedang melanda dunia.</p> <p>Platfrom ini menjadi penghubung antara komuniti saintis dan wartawan untuk memastikan ilmu sains sampai kepada orang awam tanpa dicemari maklumat tidak tepat.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/671627/covid-19-mabic-lancar-platform-maya-bantu-salur-maklumat
6.	Berita Harian	<p>COVID-19: Tangguh dulu rancangan kerja haji</p> <p>Arab Saudi menggesa umat Islam untuk menangguhkan rancangan untuk menunaikan haji sehingga wabak COVID-19 dapat dikawal. Selain menangguhkan haji dan umrah, Arab Saudi juga menghentikan semua penerbangan antarabangsa dan menyekat masuk dan serta keluar pergerakan ke beberapa bandar raya, termasuk Makkah dan Madinah.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/671583/covid-19-tangguh-dulu-rancangan-kerja-haji
7.	New Straits Times	<p>Ringgit closes lower versus US dollar</p> <p>The ringgit closed lower against the US dollar today on negative investor sentiment and weaker oil prices. Local note stood at 4.3500/3650 against</p>	https://new.nst.com.my/business/2020/04/580347/ringgit-closes-lower-versus-us-dollar

		<p>4.3150/3250 as compared with Tuesday's close of.</p> <p>The struggling equity market and the weaker oil prices had affected the local note's performance. Brent crude fell 4.67 per cent to US\$25.12 per barrel.</p> <p>The ringgit also traded lower against a basket of major currencies. It fell against the Singapore dollar at 3.0341/0454 from 3.0240/0325 , euro to 4.7554/7731 compared to 4.7353/7480 yesterday.</p> <p>The local unit also depreciated against the British pound to 5.3762/3964 from 5.3282/3427 and declined versus the Japanese yen to 4.0416/0567 from 3.9773/9876 on Tuesday.</p>	
8.	The Star	<p>World Bank cuts Malaysia GDP forecast</p> <p>Uncertainties arising from the large-scale disruptions to economic activity due to the Covid-19 pandemic, has resulted in the World Bank slashing Malaysia's 2020 GDP growth projection to negative 0.1% which is sharp downward revision from its previous expectation of GDP growth of 4.5%.</p> <p>The revision incorporated slower growth momentum from the second half of 2019, but more significantly, the impact of the pandemic under a scenario</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/01/world-bank-cuts-malaysia-gdp-forecast

	<p>whereby the disruptions to economic activities would extend for most of the year, before a partial recovery in the fourth quarter.</p> <p>The estimate had a large degree of uncertainty, conditional on domestic and global developments, and subsequent policy responses to the pandemic.</p>	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Inisiatif membantu rakyat diteruskan oleh Kerajaan Negeri Selangor yang menyediakan peruntukan RM272.5 juta menerusi Pakej Rangsangan Selangor Prihatin 2.0. Lembaga Zakat Selangor membuat agih bantuan khas RM14 juta kepada asnaf dan perkhidmatan kesihatan di Selangor.
2. Artikel adalah mengenai kajian World Bank yang menyatakan bahawa 11 juta penduduk Asia Timur dan Asia Pasifik diramal jatuh miskin akibat pandemik Covid-19. Negara yang bergantung kepada perdagangan, pelancongan, komoditi, keberhutangan tinggi dan bergantung kepada aliran kewangan akan terdedah kepada risiko tersebut. Malaysia diramalkan menguncup pada 4.6 peratus.
3. Artikel berkaitan kejatuhan nilai ringgit berbanding matawang utama dunia iaitu US Dollar, Singaporean Dollar, Euro, Pound Sterling dan Japanese Yen.
4. Artikel berkaitan jangkaan World Bank terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia iaitu pada negatif 0.1 peratus ekoran pandemik Covid-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Melalui prestasi ekonomi global telah memberi kesan kepada kejatuhan nilai ringgit dan harga minyak dunia. Faktor ini akan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi terutamanya bagi eksport dan import. Malaysia dijangka mengalami penguncutan ekonomi.
2. Berdasarkan kenyataan Bank Dunia, penguncutan yang bakal dialami oleh Malaysia akan dipengaruhi oleh faktor perdagangan, pelancongan, komoditi, keberhutangan yang tinggi dan aliran kewangan.
3. Perbelanjaan Kerajaan Selangor dan Lembaga Zakat Selangor yang berbentuk transfer dijangka dapat membantu kumpulan sasar menghadapi PKP1 dan PKP2.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
	A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit		
1.	The Malaysian Reserve	<p>Government urged to keep borders open for food supply</p> <p>Regional players in the F&B industry call for the Malaysian government to keep the borders open for supply.</p> <p>The key role that the government needs to play to ensure a stable food supply is ensuring that the manufacturing of F&B products, ingredients and other raw materials, as well as distribution by the retail sector can continue uninterrupted.</p>	https://themalaysianreserve.com/2020/04/01/govt-urged-to-keep-borders-open-for-food-supply/
2.	The Star	<p>Sabah oil palm players could lose RM860 million from closure of estates and mills</p> <p>The loss will affect about 7.5% or RM57 million in sales tax revenue to the government.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/01/sabah-oil-palm-players-could-lose-rm860million-from-closure-of-estates-and-mills
3.	Bernama	<p>Beli Volkswagen dengan selesa dari rumah</p> <p>Volkswagen Passenger Cars Malaysia (VPCM) melancarkan bilik pameran dalam talian untuk rakyat Malaysia yang ingin membeli Volkswagen.</p> <p>Konsep membawa 'pengedar' terus kepada pelanggan, ePameran Volkswagen menawarkan tawaran istimewa dalam talian kepada pembeli yang terpaksa menangguhan</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1827413

		pembelian kereta Volkswagen dan tawaran eksklusif itu juga boleh didapati di kedai utamanya di Lazada.	
4.	The Edge Markets	<p>Malaysia extends operating permits for food, healthcare companies</p> <p>Permits for food and healthcare companies has been extended to 14th April to operate during MCO. The permit extension is also given to these companies to put their machinery and equipment on standby.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/mco-malaysia-extends-operating-permits-food-healthcare-companies
5.	The Sundaily	<p>Huge losses from labour cut: Directive to slash labour force by 50% during MCO may cause firms to lose up to RM5 million each</p> <p>Businesses in Malaysia, forced to scale down or even stop operations, are looking at extensive financial losses in the coming weeks and months.</p> <p>According to the Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) the likely losses businesses will suffer range from RM100,000 to RM300,000 each for the smaller companies and more than RM5.0 million each for the larger ones.</p>	https://www.thesundaily.my/local/huge-losses-from-labour-cut-GB2201448
6.	The Star	<p>UOB Kay Hian: Petronas-listed firms can help govt</p> <p>Petroliam Nasional Bhd (Petronas) listed companies are best positioned to significantly raise dividends that will help the</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/01/uob-kay-hian-petronas-listed-firms-can-help-govt

		<p>Government to fund the RM250.0 bil on Prihatin stimulus package.</p> <p>GLCs with capacity to raise dividends in the current environment are Petronas Chemicals Group Bhd (PetChem), Petronas Dagangan Bhd (Petdag), MISC BHD, Petronas Gas Bhd, Tenaga Nasional Bhd (TNB) and RHB Bank Bhd.</p>	
7.	Sinar Harian	<p>Lanjutan PKP: KPDNHEP benar syarikat meneruskan operasi</p> <p>KPDNHEP membenarkan syarikat-syarikat pengeluar, pemborong, logistik, peruncitan dan e-dagang meneruskan operasi sepanjang tempoh perlanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 14 April 2020.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/76729/KHAS/Koronavirus/Lanjutan-PKP-KPDNHEP-benar-syarikat-meneruskan-operasi
8.	The Star	<p>AEON provides drive-through service during MCO</p> <p>AEON BiG had launched a drive-through service for the convenience of its shoppers. The drive-through service is currently available at only two locations which are AEON BiG's head office at Subang Jaya and AEON Style Taman Maluri.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/01/aeon-provides-drive-through-service-during-mco
	B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan		
9.	The Edge Markets	<p>Yinson's Ghana FPSO contract terminated amid COVID-19</p> <p>Yinson Holdings Bhd's contract from Aker Energy Ghana Ltd to</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/yinsons-ghana-fpso-terminated-amid-covid19

		<p>provide a floating production storage and offloading (FPSO) vessel in offshore Ghana has been terminated amid the COVID-19 pandemic.</p> <p>The termination is due to the decision made by Aker Energy to postpone the activities under the DWT/CTP Petroleum Agreement and the development of the project until further notice amidst the COVID-19 pandemic.</p>	
C. Subsektor Kewangan			
10.	Berita Harian	<p>Penangguhan bayaran pinjaman wajar diperluas kepada syarikat kewangan berlesen</p> <p>Pertubuhan Usahawan Generasi Muda Berjaya Malaysia (GMB) mahu kerajaan melalui Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia (BNM) meluaskan arahan moratorium automatik kepada syarikat kewangan berlesen yang dikawal selia dan berdaftar dengan BNM seperti Kredit Motor/Motokar, AEON Credit, BMW Credit dan syarikat pinjaman wang berlesen, selama enam bulan bermula 1 April 2020.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/03/669459/penangguhan-bayaran-pinjaman-wajar-diperluas-kepadasyarikat
D. Subsektor Kesihatan			
11.	Astro Awani	<p>Pusat Perubatan Nilai tawar ujian pemeriksaan COVID-19 secara pandu lalu</p> <p>Pusat perubatan tersebut turut menawarkan keputusan ujian pemeriksaan Covid-19 yang</p>	http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pusat-perubatan-nilai-tawar-ujian-pemeriksaan-covid-19

		cepat, iaitu sekitar 48 jam, dengan kadar bayaran RM580 manakala RM500 bagi warga emas dan petugas kesihatan.	19-secara-pandu-lalu-236249
12.	Berita Harian	<p>Produk baharu FWD Takaful turut lindungi COVID-19</p> <p>FWD Takaful melancarkan dua produk baharu iaitu FWD Medical Rider dan FWD Medical Executive Rider yang turut menawarkan perlindungan kepada peserta yang dijangkiti Covid-19.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/671732/produk-baharu-fwd-takaful-turut-lindungi-covid-19
E. Subsektor Penginapan			
13.	The Star	<p>Ipooh's Tower Regency Hotel shutters as Covid-19 proves final nail in coffin</p> <p>The Tower Regency Hotel will cease operation at the end of April this year after commencing operations in January 2009 after having suffered losses for more than three years. The Covid-19 pandemic has severely impacted the hotel industry and also affected any chances of reviving the hotel in immediate future.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/01/ipooh039s-tower-regency-hotel-shutters-as-covid-19-proves-final-nail-in-coffin#cxrecs_s
F. Subsektor Hartanah			
14.	kopiandproperty.com	<p>MIEA: Tough time for 25,000 Real Estate Agents and Real Estate Negotiators during COVID-19 MCO</p> <p>The MCO has brought the real estate fraternity to a "Grinding Stop". They are unable to help house buyers in taking vacant</p>	https://kopiandproper ty.com/2020/03/30/miea-its-a-tough-time-for-25000-real-estate-agents-and-real-estate-negotiators/

		<p>possession of their properties, do any viewings and physically list any properties for sale or rental.</p> <p>The agents and negotiators are also affected morally and many financially, more so because they are mostly commission agents and do not have a basic salary.</p>	
15.	PropertyGuru	<p>Tropicana Waives Tenant Rentals Amid Coronavirus Outbreak</p> <p>Tropicana Corporation Berhad has announced that it will waive rentals to tenants at Tropicana Gardens Mall during the MCO period from 18 March to 14 April 2020, in an effort to help ease tenants' financial burden amidst the Covid-19 outbreak so that they can, in turn, assist their employees.</p>	https://www.propertyguru.com.my/property-news/2020/3/187004/tropicana-waives-tenant-rentals-amid-coronavirus-outbreak
16.	PropertyGuru	<p>REHDA, BNM Explore Ways to Help Property Market</p> <p>With the country on the brink of technical recession, the Real Estate and Housing Developers' Association (REHDA) and Bank Negara Malaysia (BNM) are working out plans to aid the property market. At this point in time, REHDA are gathering the impact from all members.</p>	https://www.propertyguru.com.my/property-news/2020/3/186999/rehda-bnm-explore-ways-to-help-property-market
17.	malaymail	<p>Survey: Coronavirus driving real estate agents' earnings down</p> <p>Real estate company Juwai IQI has noted that 82 per cent of residential real estate agents</p>	https://www.malaymail.com/news/money/2020/03/31/survey-coronavirus-driving-real-estate-agents-earnings-down/1852151

	<p>around the world say the coronavirus epidemic has cut their 2020 earning expectations.</p> <p>The survey noted Malaysian agents were the least pessimistic with 74 per cent of agents expecting to earn less in 2020, 38 per cent expecting to earn "significantly less" and 33 per cent expecting to earn "a little less".</p>	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Volkswagen Passenger Cars Malaysia (VPCM) melancarkan bilik pameran dalam talian untuk rakyat Malaysia yang ingin membeli Volkswagen.
2. Permit untuk syarikat makanan dan penjagaan kesihatan telah dilanjutkan sehingga 14 April untuk beroperasi semasa MCO.
3. Peniaga memerlukan sumber kewangan yang lebih luas bagi menampung kerugian sepanjang tempoh PKP dikuatkuasakan.
4. Beberapa syarikat tersenarai di Bursa dijangka boleh membantu kerajaan bagi mendapatkan dana dalam Pakej Ransangan Ekonomi Prihatin Nasional.
5. KPDNHEP membenarkan pengeluar, pemborong, logistik, peruncitan dan e-dagang yang telah diberikan pengesahan untuk beroperasi sepanjang tempoh PKP.
6. Pasar raya AEON Big mengambil inisiatif servis pandu lalu bagi pengguna membeli barang keperluan asas.
7. Tower Regency Hotel yang bertaraf 4 bintang akan menamatkan operasi pada akhir bulan April ini selepas telah mengalami kerugian selama lebih dari tiga tahun.
8. Pendapatan ajen hartanah turut terkesan akibat wabak Covid 19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Jualan secara atas talian bagi beberapa industri dilihat positif kesan pelaksanaan PKP.
2. Perkembangan positif dari kerajaan semasa pelanjutan PKP fasa kedua kepada peniaga dapat membantu menaikkan nilai jualan terutamanya bagi sektor perdagangan runcit yang menjual barang keperluan asas.
3. Ujian pemeriksaan Covid-19 oleh klinik perubatan swasta akan memberi impak positif kepada subsektor kesihatan.
4. Aktiviti pengangkutan darat turut terkesan dengan penamatan kontrak Yinson Transport Sdn Bhd.

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama	<p>Alibaba's logistics arm inaugural Hangzhou-KL flight takes off</p> <p>A chartered cargo plane carrying medical supplies and e-commerce goods took off from Hangzhou International Airport in China yesterday, becoming the inaugural flight of a new dedicated cargo route between Hangzhou and Kuala Lumpur.</p> <p>Operated by the Cainiao Smart Logistics Network, Alibaba Group's logistics arm, the Hangzhou-Kuala Lumpur route would operate five flights a week.</p> <p>This will enable a more inclusive global trade, the route connected Hangzhou, the home of Alibaba and Kuala Lumpur, the first overseas Alibaba-led Electronic World Trade Platforms (eWTP).</p>	https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1827502
2.	The Star	<p>Food security fears starting to threaten Asian rice exports</p> <p>The Prime Minister of Thailand has asked the trade ministry to submit an export plan before Sunday (April 5), as shipments need to be controlled in order to ensure national food security, according to a posting on the government website.</p>	https://www.thestar.com.my/news/regional/2020/04/01/food-security-fears-starting-to-threaten-asian-rice-exports

3.	Bernama	<p>COVID-19: KKM terima 5,000 unit 'flocked swab' dari Singapura</p> <p>Kementerian Kesihatan (KKM) menerima sebanyak 5,000 unit Flocked Swab, Universal Transport Medium (UTM) untuk ujian pengesanan COVID-19.</p> <p>Flocked Swab itu disampaikan oleh Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Malaysia, Vanu Gopala Menon kepada Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba di sini hari ini. Alat itu akan dihantar ke Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan sebelum diedar kepada klinik dan hospital di seluruh Malaysia.</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1827567
4.	Bernama	<p>Kargo bawa bekalan ketiga perubatan tiba di KLIA malam tadi</p> <p>Bekalan ketiga sumbangan kelengkapan perubatan daripada Yayasan Jack Ma dan Yayasan Alibaba bagi membantu meringankan usaha kerajaan memerangi virus COVID-19 tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), malam tadi.</p> <p>MAHB berkata bekalan bantuan COVID-19 yang didermakan melalui kedua-dua yayasan itu terdiri daripada pelindung muka, penutup mulut dan hidung, kit ujian, sut perlindungan badan dan muka untuk kegunaan Malaysia dan tiga lagi negara Asia Tenggara.</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1827382

Penemuan penting & isu:

1. Peningkatan jumlah e-dagang antara China dan Malaysia telah mewujudkan laluan baru antara kedua-dua Negara iaitu laluan Hangzhou - rumah Alibaba dan Kuala Lumpur - Platform Perdagangan Dunia Elektronik (eWTP) yang dipimpin oleh Alibaba yang pertama di luar negara. Penerbangan julung kalinya itu membawa bekalan perubatan dan barang e-dagang. Kerajaan dan Kumpulan Alibaba telah bekerjasama rapat untuk memacu eksport e-dagang Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di bawah inisiatif Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) untuk menyokong perdagangan global yang lebih inklusif, selaras dengan visi Alibaba di bawah eWTP.
2. Kementerian Perdagangan Thailand telah diminta untuk mengemukakan pelan eksport beras sebelum Ahad (5 April), kerana penghantaran perlu dikawal untuk memastikan keselamatan makanan negara, menurut satu posting di laman web kerajaan. Beberapa Negara pengeluar beras seperti Vietnam dan Mynmar juga mengambil langkah yang sama bagi memastikan bekalan mencukupi.
3. Kementerian Kesihatan (KKM) menerima sebanyak 5,000 unit *Flocked Swab, Universal Transport Medium* (UTM) untuk ujian pengesanan COVID-19. Sementara itu, Dr Noor Hisham menerusi hantaran di akaun Facebooknya turut memaklumkan Hospital Kuala Lumpur menerima sumbangan PPE (Peralatan Perlindungan Peribadi) daripada Duta China ke Malaysia yang merangkumi penutup mulut dan hidung N95 sebanyak 10,000 keping dan penutup hidung dan mulut pembedahan sebanyak 50,000 keping, yang merupakan peralatan pelindung penting kepada anggota perubatan barisan hadapan.
4. Bekalan ketiga sumbangan kelengkapan perubatan daripada Yayasan Jack Ma dan Yayasan Alibaba bagi membantu meringankan usaha kerajaan memerangi wabak COVID-19 tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), malam tadi. Sumbangan terdiri daripada pelindung muka, penutup mulut dan hidung, kit ujian, sut perlindungan badan dan muka untuk kegunaan Malaysia dan tiga lagi negara Asia Tenggara (Indonesia, Thailand dan Filipina).

Maklumbalas Bahagian:

1. E-dagang adalah salah satu aktiviti untuk import dan eksport di negara ini. Ini dapat meluaskan pasaran antara kedua-dua Negara yang berdagang. Data dari portal statistik dalam talian Jerman menunjukkan pasaran e-dagang Malaysia pada 2019 bernilai sebanyak US \$ 3.68 bilion (RM15.2 bilion).
2. Malaysia merupakan pengimport bersih beras. Nilai import bagi beras (HS Code: 1006) pada tahun 2019 mencecah RM1.9 bilion. Tiga negara sumber import utama Malaysia bagi tahun 2019 ialah Vietnam (RM831.3 juta – 44.3%), Thailand (RM499.5 juta – 26.7%) dan India (RM227.3 juta – 12.1%). Nilai import bagi beras dijangka merosot pada tahun 2020

<p>disebabkan negara pengeluar mengehadkan eksport bagi memenuhi keperluan domestik susulan penularan wabak Covid-19 di seluruh dunia.</p> <p>3. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.</p>			
D.	Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star	<p>UOB Kay Hian: Petronas-listed firms can help govt</p> <p>Petroliam Nasional Bhd (Petronas)-listed companies are best positioned to significantly raise dividends that will help the Government to fund the RM250bil Prihatin stimulus package, according to UOB Kay Hian Research.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/01/uob-kay-hian-petronas-listed-firms-can-help-govt
2.	Astro Awani	<p>30,000 majikan diberi pengecualian pembayaran levi selama enam bulan</p> <p>Lebih 30,000 majikan yang berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), akan diberikan pengecualian pembayaran levi selama enam bulan, dari April hingga September.</p>	www.astroawani.com/berita-malaysia/30-000-majikan-diberi-pengecualian-pembayaran-levi-selama-enam-bulan-236179
3.	Berita Harian	<p>COVID-19: Pekerja pelantar minyak boleh balik jika sihat</p> <p>Hanya pekerja di pelantar minyak yang sihat serta bebas daripada sebarang penyakit dibenarkan pulang ke rumah masing-masing sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p>	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/671610/covid-19-pekerja-pelantar-minyak-boleh-balik-jika-sihat

4.	BERNAMA	<p>Pahang cari lebih banyak pembekal material PPE</p> <p>Kerajaan negeri Pahang memohon pembekal atau kilang yang menghasilkan material membuat peralatan perlindungan diri (PPE) untuk membantu membekalkan bahan itu bagi kegunaan petugas yang mengendalikan kes COVID-19 di negeri ini.</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1827364
5.	The Malaysian Reserve	<p>Kumpulan Powernet bags RM 354m contract in Perak</p> <p>Kumpulan Powernet Bhd (KPower) has secured a RM354 million contract to build five mini hydropower plants with a total capacity of 32.47 MW in Perak.</p>	https://themalaysianreserve.com/2020/04/01/kumpulan-powernet-bags-rm354m-contract-in-perak/
6.	Property Guru	<p>Chow Urges Business Property Owners To Waive Rent</p> <p>Pulau Pinang Chief Minister, Chow Kon Yeow revealed that the state – along with the Penang Island City Council as well as the Seberang Prai City Council – will not collect rental charges for shoplots, public markets and others in April.</p>	https://www.propertyguru.com.my/property-news/2020/4/187029/chow-urges-business-property-owners-to-waive-rent
7.	The Sun Daily	<p>Malaysia's March manufacturing PMI falls to 48.4, lowest since June 2016</p> <p>The IHS Markit Malaysia Manufacturing Purchasing Managers' Index (PMI) fell to 48.4 in March, from 48.5 in February, the lowest level since June 2016.</p>	https://www.thesundaily.my/business/malaysia-s-march-manufacturing-pmi-falls-to-484-lowest-since-june-2016-XB2201330

Penemuan penting & isu:

1. Menurut UOB Kay Hian Research, PETRONAS adalah merupakan syarikat yang terbaik untuk meningkatkan dividen yang akan membantu Kerajaan membiayai pakej rangsangan RM250 bilion PRIHATIN. Menurutnya harga minyak yang rendah dan pengurangan permintaan untuk petrokimia mungkin menjelaskan aliran tunai masa hadapan (FCF) PetChem, tetapi syarikat mempunyai tahap tunai yang tinggi dan CAPEX dijangka akan berkurang dengan projek Pengerang yang hampir ke penghujung.
2. Di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta 612), semua majikan tergolong dalam 63 subsektor daripada tiga sektor utama iaitu perkilangan, perkhidmatan serta perlombongan dan pengkuarian, yang mempunyai 10 atau lebih kakitangan adalah diwajibkan berdaftar dengan PSMB, dan membayar levi Pembangunan Sumber Manusia pada kadar satu peratus daripada keseluruhan gaji bulanan pekerja mereka.
3. Hampir 10,000 unit PPE diperlukan setiap hari di hospital dan pusat kurantin di Pahang kerana selain petugas kesihatan, PPE turut digunakan oleh petugas sokongan seperti pekerja pembersihan dan penyajian makanan.
4. Kumpulan Powernet menyatakan projek ini merupakan projek tenaga tempatan yang pertama bagi syarikat tersebut.
5. IHS Markit menyatakan indeks PMI pada bulan Mac jatuh ke paras terendah sejak Jun 2016, menandakan kelembapan mendadak dalam pengeluaran pembuatan di Malaysia.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian akan memantau prestasi pertubuhan rujukan Mac 2020 memandangkan IHS Markit telah menyatakan indeks PMI pada bulan tersebut adalah terendah sejak Jun 2016.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	NST	<p>Businesses begin feeling strain as MCO enters third week</p> <p>The impact of the Covid-19 pandemic and the nationwide Movement Control Order (MCO) has varied from one business to another. Some count themselves lucky to be able to keep afloat and are optimistic that their businesses will pick up again in the months ahead, but some fear</p>	https://new.nst.com.my/business/2020/03/580020/businesses-begin-feeling-strain-mco-enters-third-week

		<p>the worst – that they have to shut down completely due to financial losses. Citrine One founder and crisis communications lead counsel Ivlynn Yap said while they are currently affected in several ways, they are blessed that their revenues increased just before the MCO, which was enforced on March 18.</p>	
2.	NST	<p>Fund outflows to hit US\$5.3bil in next 12 months: Bank Negara</p> <p>The pre-determined short-term outflows of foreign currency loans, securities and deposits are expected to reach US\$5.3 billion in the next 12 months, Bank Negara Malaysia said. The outflows will include among others, scheduled repayment of external borrowings by the government and repayment arising from the maturity of foreign currency. The central bank said the short forward positions amounted to US\$13.11 billion as at end-February 2020, reflecting the management of ringgit liquidity in the money market.</p>	https://new.nst.com.my/business/2020/03/579963/fund-outflows-hit-us53bil-next-12-months-bank-negara
3.	The Star	<p>International reserves at RM444.1bil in February</p> <p>Bank Negara's international reserves totalled US\$103.39bil (RM444.10bil) as at end-February 2020, said the central bank. In a detailed disclosure of the country's international reserves, the central bank said other foreign-currency assets amounted to US\$33.8mil (RM145.18mil) as at February</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/01/international-reserves-at-rm4441bil-in-february

		2020. For the next 12 months, Bank Negara noted that the predetermined short-term outflows of foreign currency loans, securities and deposits, scheduled repayment of external borrowings by the government and repayment arising from the maturity of foreign currency Bank Negara Interbank Bills, amounted to US\$5.29bil.	
